

Headline	350 keluarga miskin tegar Sabah terima bantuan Ambank		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	08 Jun 2014	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 288
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 865



350 keluarga miskin tegar Sabah terima bantuan Ambank

KOTA KINABALU: Lebih 300 keluarga golongan miskin tegar di Sabah menerima bantuan untuk membeli barangan keperluan makanan di bawah Program AmBank MyKasih tahun ini.

Pengerusi Kumpulan AmBank Tan Sri Azman Hashim berkata daripada jumlah itu, 50 keluarga adalah dari daerah Kota Kinabalu manakala selebihnya dari Sandakan.

“Program MyKasih ini tidak hanya tertumpu kepada masyarakat miskin tegar di kawasan bandar tetapi terbuka kepada semua tempat termasuk luar bandar,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Komuniti AmBank MyKasih di Menggatal dekat sini Sabtu.

Beliau berkata sebanyak RM52,000 diperuntukkan bagi 50 keluarga yang terpilih dalam program amal itu.

Katanya AmBank memperuntukkan RM1 juta di bawah program MyKasih ini setiap tahun dan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan

(NGO) untuk mengenal pasti dan memilih keluarga yang layak menerima bantuan itu di seluruh negara.

Terdahulu dalam ucapannya, Azman berkata AmBank juga telah melanjutkan bantuan satu tahun lagi kepada 50 keluarga yang telah menerima bantuan bagi program amal itu sebelum ini.

“AmBank juga telah menyediakan sesi celik kewangan di mana keluarga yang menyertai program ini akan menghadiri ceramah yang diadakan bagi membantu mereka di dalam pengurusan kewangan,” katanya.

Sementara itu, penduduk setempat Amoi@Lidia Lansin, 60, yang buat pertama kali terpilih dalam program amal ini amat bersyukur kerana dapat membantu meringankan tanggungan keluarganya.

Bagi Eddie Bernard Gansuling, 40, yang terpilih buat kali kedua berkata, program ini banyak membantu beliau terutamanya untuk mengurus dan mengatur perbelanjaan keperluan harian. – Bernama